

20 AUG, 2019

Sultan baharu Masjid Sultan Ibrahim UTHM



Utusan Malaysia, Malaysia



NOOH GADOT mengendalkan jentolak sebagai tanda gimik majlis pecah tanah pembinaan jalan raya baharu dari Taman Universiti, Parit Raja ke Masjid Sultan Ibrahim UTHM.

UMAT Islam di sekitar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan mempunyai kemudahan jalan raya baharu dari Taman Universiti, Parit Raja ke Masjid Sultan Ibrahim UTHM.

Projek pembinaan jalan raya itu yang menelan kos sebanyak RM351,000 turut melibatkan kerja-kerja penambahan infrastruktur seperti memampatkan tanah, merata dan melebarkan jalan termasuk kerja-kerja pembinaan pos pengawal keselamatan baharu di tempat letak kereta di kawasan masjid.

Projek di bawah Wakaf Prasarana UTHM dilaksanakan bertujuan memudahkan penduduk setempat dan kakitangan UTHM untuk ke Masjid Sultan Ibrahim bagi menunaikan solat dan menyertai program keagamaan.

Majlis pecah tanah jalan raya baharu itu disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang juga Penasihat Wakaf UTHM, Datuk Dr. Nooh Gadot.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad; Penolong Naib Canselor Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat, Prof. Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Karim dan Pengarah Pusat Endowment

Jalan baharu Masjid Sultan Ibrahim UTHM

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
 kampus@utusan.com.my



dan Wakaf UTHM, Prof. Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff.

Nooh dalam ucapan pada majlis itu berkata, jalan baharu yang dibina untuk ke Masjid Sultan Ibrahim itu kelak diharap memberi keselesaan kepada jemaah terutama penduduk Parit Raja, Batu Pahat, Johor untuk menunaikan solat selain memudahkan penganturan program pengajian dan aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan masjid tersebut.



NOOH GADOT (tengah) memotong reben sebagai tanda perasmian jalan raya baharu dari Taman Universiti, Parit Raja ke Masjid Sultan Ibrahim UTHM.

“Projek membina jalan raya baharu ini merupakan satu ibadah mulia yang menjanjikan ganjaran pahala besar kepada umat Islam. Selain sebagai sedekah jariah untuk bekalan akhirat, pelaksanaan projek ini diharap memberi keselesaan kepada jemaah untuk menunaikan solat

di masjid. “UTHM berharap projek yang dijalankan mengikut jadual ditetapkan bagi memudahkan orang ramai untuk menunaikan ibadah tanpa perlu melalui jalan utama yang sibuk dan berisiko tinggi,”katanya.

“Projek di bawah Wakaf Prasarana UTHM dilaksanakan bertujuan memudahkan penduduk setempat dan kakitangan UTHM untuk ke Masjid Sultan Ibrahim bagi menunaikan solat dan menyertai program keagamaan.”

PEMBINAAN jalan raya baharu membantu penduduk setempat dan kakitangan UTHM untuk ke Masjid Sultan Ibrahim bagi menunaikan solat dan menyertai program keagamaan yang diadakan.





20 AUG, 2019

Sultan baharu Masjid Sultan Ibrahim UTHM

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

UMAT Islam di sekitar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan mempunyai kemudahan jalan raya baharu dari Taman Universiti, Parit Raja ke Masjid Sultan Ibrahim UTHM. " Projek pembinaan jalan raya itu yang menelan kos sebanyak RM351,000 turut melibatkan kerja-kerja penambahan infrastruktur seperti memampatkan tanah, merata dan melebarkan jalan termasuk kerja-kerja pembinaan pos pengawal keselamatan baharu di tempat letak kereta di kawasan masjid.